PERATURAN PEMARKAHAN
PEPERIKSAAN PERCUBAAN JPWPP
SEJARAH KERTAS 2
SET 1
1249/2

1.

Ciri-ciri Negara Bangsa Kerajaan Alam Melayu
• Raja • Undang-undang • **X** • Rakyat

Apakah **X**?

A. Kedaulatan
B. Pembesar
C. Lambang Kebesaran
D. Wilayah pengaruh

2. Sultan Melaka telah mengurniakan kawasan kepada Pembesar Berempat.
Apakah gelaran kawasan tersebut?

A. Kawasan jajahan
B. Kawasan kawalan
C. Kawasan anugerah
D. Kawasan pegangan

3. Apakah yang diperjuangkan oleh revolusi berikut?

Revolusi Amerika (1776)

A. Menentang raja berkuasa mutlak
B. Menentang kuasa parlimen
C. Memperjuangkan hak rakyat
D. Menentang penindasan penjajah

7. Maklumat berikut menerangkan tujuan pentadbiran British di Tanah Melayu selepas Perang Dunia Kedua.

- Pelaburan ekonomi
- Melicinkan sistem pentadbiran

A. Memperkenalkan Malayan Union
B. Menghapuskan institusi kesultanan
C. Membubarkan Negeri-negeri Selat
D. Melaksanakan dasar dekolonisasi

8. Tokoh berikut menjalinkan kerjasama untuk menentang Malayan Union.

- Za'ba
- Dato' Onn Jaafar
- Tunku Abdul Rahman
- Dato' Panglima Garang

Apakah kesan jalinan kerjasama tersebut?

A. Menerajui tampuk pemerintahan
B. Menganjurkan Kongres Melayu
C. Menubuhkan Persatuan Melayu
D. Memulihkan kepercayaan rakyat

11. Mengapakah British bertindak memperkenalkan undang-undang berikut di negara kita?

Trade Union Ordinance No.9 of 1948

A. Menghalang idea pembinaan negara dan bangsa
B. Menyelesaikan isu yang melibatkan pertikaian kaum
C. Menyekat pengaruh komunis dalam kesatuan sekerja
D. Meluluskan penubuhan parti politik berasaskan kaum

12. Apakah kesan darurat terhadap politik di negara kita?

A. Menjimatkan kos pentadbiran
B. Mewujudkan kestabilan politik
C. Mengelakkan perbalahan kaum
D. Mempercepatkan kemerdekaan

13. Apakah konsep kemerdekaan yang diperjuangkan oleh Kesatuan Melayu Muda?

A. Merdeka
B. Hidup Melayu
C. Melayu Raya
D. Tanah Merdeka

14. Apakah kepentingan Sistem Ahli kepada penduduk tempatan di Tanah Melayu?

A. Menggubal perlembagaan merdeka
B. Melatih penduduk mentadbir
C. Menetapkan pelaksanaan pilihan raya
D. Menentukan syarat kewarnegaraan

[lihat halaman sebelah

20. Apakah kesan langsung kemerdekaan terhadap sistem pemerintahan negara?

A. Memajukan teknologi komunikasi
B. Mengurangkan kadar pengangguran
C. Memperkenalkan sistem demokrasi
D. Meningkatkan taraf pendidikan rakyat

21 Apakah yang menjadi asas kepada peraturan sesebuah negara?

A. Sistem perundangan
B. Ketertinggian perlembagaan
C. Jawatan ketua Peguam Negara
D. Pengiktirafan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu

22. Kedaulatan penting untuk memberikan hak kepada negara menjalinkan hubungan dengan negara lain?
Bagaimanakah hubungan luar negara tersebut dapat dibentuk?

A. Penggubalan dasar luar
B. Pengiktirafan pemimpin
C. Penerimaan pengaruh luar
D. Pengurusan dasar ekonomi

23. Senarai berikut merujuk kepada Negeri-negeri Melayu Bersekutu (NNMB).

- Perak
- Selangor
- Negeri Sembilan
- Pahang

Apakah persamaan penggubalan undang-undang di negeri-negeri tersebut?

A. Diwartakan oleh sultan negeri
B. Digubal oleh Majlis Persekutuan
C. Diperkenankan oleh Majlis Raja-raja
D. Digubal oleh Majlis Undangan Negeri

[lihat halaman sebelah

Bahagian A

[40 *markah*]

Jawab **semua** soalan

1 Sistem pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka terbahagi kepada dua iaitu golongan pemerintah dan golongan diperintah.

(a) Nyatakan **dua** golongan diperintah.

(i) …….

(ii) …….

[2 *markah*]

(b) Jelaskan peranan sultan dalam memastikan keunggulan pentadbiran empayar Kesultanan Melayu Melaka.

……

……

……

……

……

[4 *markah*]

(c) Baca maklumat dalam petikan berikut.

> Rakyat itu umpama akar, yang raja itu umpama pohon: jikalau tiada akar nescaya pohon tiada akan dapat berdiri demikian lagi raja itu dengan segala rakyatnya.
>
> *Sumber: W.G. Shellabear, 1995. Sejarah Melayu. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.*

Jelaskan hubung kait pemerintah dan rakyat berdasarkan maklumat tersebut.

……

……

……

……

[4 *markah*]

6 Kerajaan British telah mengumumkan pembentukan Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu pada 8 Mac 1956 setelah mendapat persetujuan Raja-raja Melayu.

(a) Jelaskan peranan Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu. [4*markah*]

(b) Dalam usaha membentuk Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957, satu perjajian telah ditandatangani pada 5 Ogos 1957 yang dinamakan sebagai Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu.

Huraikan inti pati Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957 [8 *markah*]

(c) Baca maklumat dalam petikan tersebut

> Perlembagaan Persekutuan merupakan undang-undang tertinggi negara (Perkara 4(1) dan merupakan sebuah dokumen destini yang mengambil kira kehendak tempatan. Suruhanjaya Reid yang dibentuk pada 21 Mac 1956 ditubuhkan bertujuan untuk merangka Perlembagaan Persekutuan sebagai persediaan negara mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957. Sebanyak 118 persidangan telah diadakan dan 131 memorandum diterima daripada pelbagai lapisan masyarakat dan organisasi untuk dikaji dari bulan Jun hingga Oktober 1956. Perkara-perkara penting yang dibincangkan oleh suruhanjaya yang dipengerusikan oleh Lord William Reid (Hakim Mahkamah Rayuan England) seperti pembentukan sebuah kerajaan pusat, kedudukan istimewa Raja-raja Melayu, pengekalan hak-hak istimewa orang Melayu dan pelantikan seorang Ketua Negara berperlembagaan. Hasilnya, Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang mula terpakai pada 31 Ogos 1957 sehingga hari ini merupakan satu dokumen yang dapat diterima oleh semua pihak daripada pelbagai latar kaum, bangsa dan agama. Ia merupakan sebuah kontrak sosial yang dipersetujui oleh tiga etnik besar iaitu Melayu, Cina dan India yang membentuk Parti Perikatan pada masa itu..

Jelaskan maklumat yang terkandung dalam petikan tersebut dan kesan sekiranya tiada pemuafakatan dalam negara kita. [8 *markah*]

SOALAN 1

SOALAN	PERINCIAN	MARKAH
1 (a)	F1 Rakyat F2 Peniaga F3 Petani F4 Tukang F5 Hamba/Hamba raja/Hamba berhutang/hamba biasa [Mana-mana 2F X 1m]	1 1 1 1 1 **[2m]**
1 (b)	F1 Menaungi/menjaga keselamatan rakyat F2 Mewujudkan perpaduan F3 Bertanggungjawab terhadap kemakmuran/kestabilan kerajaan F4 Memperkenalkan undang-undang untuk mengawal rakyat F5 Mengetuai pemerintahan [Mana-mana 4F X 1m]	1 1 1 1 1 **[4m]**
1 (c)	F1 Selaras dengan konsep waadat (perjanjian) F2 Bukti wujudnya hubungan timbal balik/ saling berkait pemerintah dan rakyat F3 Taat setia rakyat kepada pemerintah tanpa berbelah bahagi F4 Pemerintah bertanggungjawab menjaga kebajikan rakyat F5 Rakyat tidak boleh menderhaka kepada raja F6 Jika menderhaka akan ditimpa tulah (kecelakaan) F7 Rakyat bernaung di bawah pentadbiran raja/sultan F8 Memelihara kedaulatan raja F9 Menjamin kesejahteraan rakyat F10 Mengekalkan kemajuan dan keamanan negara F11 Waadat hari ini adalah perjanjian antara raja /kerajaan/ warganegara F12 Perlembagaan Persekutuan/ kedudukan tertinggi negara [Mana-mana jawapan yang berkaitan] [Mana-mana 4F X 1m]	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 **[4 m]**

Suka sampel ini?

Kertas Trial SPM

Sejarah (50+ set)

- Kertas trial SPM dari banyak negeri untuk subjek yang dipilih
- Skema jawapan / cadangan jawapan
- Set Penuh: semua 17 subjek dan jadual ulangkaji A+

RM12.90

BELI SEKARANG >

nightmew.com/p/kertas-percubaan-spm · FPX online banking · download serta-merta